

21/08/2001

Negara membangun mesti dapat manfaat FDI

Mustapa Omar in Kampala (Uganda)

KAMPALA (Uganda), Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kerajaan di negara membangun supaya memastikan pelaburan terus asing (FDI) menghasilkan perkongsian pintar antara mereka dan pelabur berkenaan.

Perdana Menteri berkata, pelabur asing memang dialu-alukan untuk mengambil kesempatan daripada kelebihan yang dimiliki negara membangun, seperti kos buruh murah, tetapi sebagai balasannya kerajaan perlu mendapat sebahagian kecil daripada kekayaan yang diperoleh dan sedikit kemahiran yang diperlukan.

"Walaupun pelaburan terus asing amat dialu-alukan dan permaidani merah dibentang untuknya, adalah penting pelaburan tempatan sekecil mana sekalipun, diberi galakan dan insentif sewajarnya.

"Bila tiba masanya, pelaburan tempatan akan berkembang dan boleh diharapkan untuk kekal jika berlaku masalah ekonomi. Kita perlu ingat bahawa pelabur tempatan adalah rakan kita sebenarnya kerana mereka mempunyai kepentingan dalam kemakmuran negara.

"Mereka tidak boleh berundur jika perkara buruk berlaku. Mereka terpaksa tetap di sini dan melalui segala keperitan bersama kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis makan malam sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001) yang diadakan di Pusat Peranginan Speke, Munyonyo, berhampiran Tasik Victoria, kira-kira 15 kilometer dari sini malam ini.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu bijak menguruskan pelabur tempatan dan menganggap mereka sebagai rakan kongsi pintar yang berhak mendapat layanan terbaik seperti apa sepatutnya mereka peroleh.

Dialog empat hari yang berakhir esok itu dihadiri 600 peserta, termasuk beberapa ketua negara, pemimpin kerajaan, menteri serta ahli perniagaan dari beberapa negara Afrika dan Malaysia. Ia dirasmikan Presiden Uganda, Yoweri Museveni, Sabtu lalu.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri turut mengingatkan negara membangun bahawa jika mereka menerima globalisasi dalam bentuk yang ada sekarang, bermakna mereka menerima pelaburan terus asing tanpa had, tetapi mungkin kehilangan kawalan terhadap ekonominya sendiri.

Bagaimanapun, katanya, dengan menerima konsep berkenaan, negara membangun mungkin mendapat faedah dari segi ekonomi walaupun ia tidak memberi sebarang jaminan.

"Jika kita hanya berminat untuk mewujudkan ekonomi yang makmur tanpa mengira kesannya, kita sepatutnya menerima globalisasi. Tetapi, jika kita percaya bahawa maruah, integriti dan kebebasan kita juga penting, kita perlu kaji semula globalisasi," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara membangun masih boleh menerima globalisasi tetapi perlu ada peraturan di peringkat kerajaan dan antarabangsa kerana kerajaan yang demokratik perlu mengawal perkara yang mempunyai kepentingan kepada rakyat majoriti.

Katanya, negara membangun juga perlu memastikan ia mempunyai suara dalam penggubalan dan pembentukan globalisasi kerana ia perlu mempunyai perlindungan mencukupi bagi ekonomi yang lemah sementara memastikan pembangunan dapat dilaksanakan.

Perdana Menteri juga mengulangi cadangannya supaya negara kaya dikenakan 'Cukai Dunia' bagi membantu membiayai pembinaan projek infrastruktur yang menjadi pemangkin kepada pembangunan di negara miskin.

Beliau berkata, semua perniagaan yang beroperasi di seluruh dunia berasal dari negara kaya dan cukai daripada keuntungan yang mereka perolehi dibayar kepada negara masing-masing, yang kemudiannya digunakan untuk memberi kemewahan hidup kepada penduduk di negara yang sememangnya sudah kaya.

"Oleh itu, adalah adil bagi negara kaya ini membayar cukai berkanun kepada dunia kerana negara lain turut menyumbang kepada kekayaan mereka. Cukai ini sepatutnya adalah tambahan kepada bantuan yang selama ini bukan saja tidak mencukupi, malah mengikat negara penerima.

"Saya berharap negara miskin tidak menolak idea ini. Negara kaya mungkin tidak memberi perhatian kepada cadangan ini, tetapi jika mereka mahu negara miskin turut sama dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan globalisasi, mereka patut berkongsi kekayaan dengan menyetujui Cukai Dunia ini" katanya.

Perdana Menteri berkata, cukai dunia yang dikenakan terhadap negara yang mendapat peluang daripada globalisasi untuk mengumpul kekayaan adalah satu langkah yang adil.

(END)